



worldwide network for blood and marrow transplantation

Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

www.wbmt.org

WBMT - Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

Pemindahan Sel Stem Darah Kesejuta Menandakan Detik Penting Perubatan Utama

Kerjasama Antarabangsa Di Kalangan Doktor, Saintis Dipuji untuk Pencapaian Unggul

BERN, Switzerland, 29 Jan., 2013 (GLOBE NEWSWIRE) -- Usaha kerjasama antara saintis perubatan dan doktor di seluruh dunia telah mencatatkan detik penting dalam perubatan utama: pemindahan sel stem darah kesejuta dunia, prosedur yang telah menjadi rawatan terbukti dan penting untuk ramai pesakit yang berperang dengan kanser darah seperti leukemia dan limfoma, serta penyakit-penyakit kritikal lain.

The Worldwide Network for Blood and Marrow Transplantation (Rangkaian Sedunia untuk Pemindahan Darah dan Sumsum, WBMT) mengumumkan pencapaian unggul hari ini. WBMT—sebuah pertubuhan saintifik bukan berorientasikan keuntungan yang mana misi mereka ialah menggalakkan kecemerlangan dalam pemindahan sel stem, pendermaan sel stem dan rawatan selular menyatakan bahawa pemindahan kesejuta berlaku pada penghujung Disember 2012. Penemuan ini adalah berdasarkan data yang dikumpul oleh pertubuhan ahli antarabangsa WBMT yang terbabit dalam pemindahan sel stem darah, yang telah dianalisis dan disahkan oleh WBMT.

"Pemindahan kesejuta merupakan detik penting yang mengejutkan ramai orang, memandangkan pemindahan sel stem darah dilihat sebagai prosedur yang jarang dilakukan hingga dekad lepas," ujar Dietger Niederwieser, M.D., Presiden WBMT dan profesor perubatan di bahagian hematologi dan onkologi perubatan di University Hospital of Leipzig, Jerman. "Namun penemuan dan kerjasama penting di kalangan ramai saintis dan doktor di serata dunia telah meningkatkan hasil secara mendadak bagi pesakit yang menjalani pemindahan sel stem."

Pemindahan sel stem darah yang pertama telah dilaporkan oleh Dr. E. Donnall Thomas pada 1957, yang menerima Hadiah Nobel pada 1990 atas usaha merintis penggunaan





worldwide network for blood and marrow transplantation

Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

www.wbmt.org

WBMT - Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

pendekatan inovatif ini terhadap rawatan leukemia dan penyakit-penyakit mengancam nyawa lain.

Menjelang lewat 1960an, pada waktu pengetahuan mengenai keperluan untuk memadankan pesakit dengan penderma berkembang pantas, doktor telah menjalankan pemindahan alogeneik yang berjaya, menggunakan sel stem bentuk darah dari penderma yang mempunyai pertalian darah dengan pesakit (antara yang pertama di A.S., Belanda dan Perancis). Pada 1973, pemindahan pertama berjaya dilakukan di New York antara dua orang yang tidak mempunyai pertalian keluarga, apabila seorang kanak-kanak lelaki menerima pemindahan dari penderma yang dikenal pasti sepadan melalui bank darah di Denmark.

Pada 1988, pemindahan darah tali pusat pertama berjaya dijalankan di Paris.

Sejak dari itu, peningkatan yang agak ketara dalam semua jenis pemindahan sel stem darah, terutamanya dari penderma yang tidak mempunyai pertalian keluarga telah dijalankan. Faktor ini disumbang terutamanya oleh kesediaan lebih daripada 20 juta penderma sel stem secara sukarela yang terdapat di seluruh dunia sekarang.

Hari ini, pemindahan sesama mereka yang tidak mempunyai pertalian keluarga sering mencatatkan kejayaan setanding dengan penderma dari ahli keluarga pesakit. Rakan kerjasama antarabangsa akan membantu memastikan pertumbuhan berterusan ini. Data dari World Marrow Donor Association (Persatuan Penderma Sumsum Sedunia, WMDA) iaitu rakan kerjasama WBMT, telah pun membuktikan bahawa hampir separuh daripada pemindahan yang dijalankan dengan penderma yang tidak mempunyai pertalian keluarga merentasi sempadan antarabangsa. Pendaftar penderma antarabangsa bukan hanya mengembangkan kumpulan penderma yang berpotensi, malah mereka membantu memajukan sains pemindahan global melalui pertukaran maklumat.

Rakan kerjasama pengasas WBMT termasuk Center for International Blood and Marrow Transplant Research(R) (Pusat untuk Penyelidikan Pemindahan Darah dan Sumsum Antarabangsa, CIBMTR), Asia-Pacific Blood and Marrow Transplantation Group (Kumpulan Pemindahan Darah dan Sumsum Asia Pasifik, APBMT), European Group for Blood and Marrow Transplantation (Kumpulan Eropah untuk Pemindahan Darah dan





worldwide network for blood and marrow transplantation

Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

www.wbmt.org

WBMT - Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

Sumsum, EBMT) dan WMDA. Organisasi serantau dan kebangsaan lain yang menyertai dan menyumbang data, antara lain, termasuk Australasian Bone Marrow Transplant Recipient Registry (Pendaftar Penerima Pemandahan Sumsum Tulang Australasia, ABMTRR), Canadian Blood and Marrow Transplant Group (Kumpulan Pemandahan Darah dan Sumsum Kanada, CBMTG), Eastern Mediterranean Blood and Marrow Transplant Group (Kumpulan Pemandahan Darah dan Sumsum Mediterranean Timur, EMBMT) dan Sociedade Brasileira de Transplante de Medula Ossea (SBTMO).

"Ia mesti ditekankan terutamanya bahawa WBMT telah menyumbang kepada kemajuan pemindahan sel stem darah di negara-negara sedang membangun di rantau Asia Pasifik dan di kawasan-kawasan lain di dunia, di mana kesedaran terhadap prosedur perubatan ini meningkat dengan mendadak," tegas Yoshihisa Kodera, Naib Presiden WBMT, Pengerusi APBMT dan Profesor Aichi Medical University (Universiti Perubatan Aichi), Jepun.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengiktiraf pemindahan sebagai tugas global yang penting, baru-baru ini mengiktiraf WBMT sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO). "Pemindahan telah memanjangkan jangka hayat ratusan ribu pesakit di seluruh dunia dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka," ujar Luc Noël, M.D., WHO. "Ia telah menjadi standard penjagaan untuk ramai pesakit, dan tidak harus lagi dihadkan kepada negara atau individu mewah."

Hari ini, lebih daripada 70 penyakit malignan dan bukan malignan dirawat mengikut rutin menggunakan pemindahan sel stem darah, memberikan penawar baru buat pesakit di seluruh dunia. Teknik prosedur itu sendiri telah meningkat agak tinggi hasil penubuhan pusat-pusat kanser khusus namun turut disumbang oleh kerjasama dan usaha sama antara saintis, doktor, jururawat dan pengurus data, serta 19 persatuan saintifik antarabangsa yang mewujudkan standard, mengumpul data ke atas prosedur dan menganalisis hasil. Bagi pesakit dengan keadaan yang optimum, kadar kelangsungan hidup bebas penyakit kini mencapai lebih daripada 90 peratus.

"Di serata dunia, lebih daripada 50,000 pesakit setahun menerima pemindahan, di rantau-rantau bermula dari Asia Pasifik hingga Timur Tengah membawa ke Amerika





worldwide network for blood and marrow transplantation

Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

www.wbmt.org

WBMT - Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

Tengah," ujar Dennis Confer, M.D., Bendahari WBMT dan Ketua Pegawai Perubatan National Marrow Donor Program(R) (Program Penderma Sumsum Kebangsaan, NMDP) berpangkalan di A.S. "Potensi kuratif bagi rawatan ini hanya akan meningkat, hasil daripada komitmen dan kerjasama antara penyelidik dan doktor di seluruh dunia."

Tentang Worldwide Network for Blood and Marrow Transplantation (Rangkaian Sedunia untuk Pemindahan Darah dan Sumsum, WBMT)

WBMT ialah sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang tidak berorientasikan keuntungan yang menggalakkan kecemerlangan dalam pemindahan sel hematopoetik (HCT), pendermaan sel stem dan rawatan selular. Ia telah diasaskan pada 2006 oleh empat kumpulan perintis pemindahan sel stem dari serata dunia iaitu Center for International Blood and Marrow Transplant Research(R) (Pusat untuk Penyelidikan Pemindahan Darah dan Sumsum Antarabangsa, CIBMTR), Asia-Pacific Blood and Marrow Transplantation Group (Kumpulan Pemindahan Darah dan Sumsum Asia Pasifik, APBMT), European Group for Blood and Marrow Transplantation (Kumpulan Eropah untuk Pemindahan Darah dan Sumsum, EBMT) dan World Marrow Donor Association (Persatuan Penderma Sumsum Sedunia, WMDA). WBMT merupakan peneraju dalam kalangan komuniti pemindahan sel stem yang memiliki rangkaian 19 organisasi ahli di seluruh dunia pada masa ini. Melalui tinjauan global tahunan aktiviti-aktiviti HCT, persidangan saintifik dan pendidikan serta pembangunan garis panduan dan akreditasi HCT, WBMT sedang memajukan rawatan menyelamatkan nyawa yang merawat gangguan darah, sistem imun dan genetik. Ketahui lebih lanjut di www.wbmt.org.

Tentang Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

WHO ialah pihak berkuasa yang mengarah dan menyelaras kesihatan dalam sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pertubuhan ini bertanggungjawab untuk menyediakan kepimpinan terhadap hal-hal kesihatan global, membentuk agenda penyelidikan kesihatan, menetapkan norma dan standard, menjelaskan pilihan dasar berasaskan bukti, menyediakan sokongan teknikal kepada negara-negara dan memantau serta menilai trend kesihatan.





worldwide network for blood and marrow transplantation

Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

www.wbmt.org

WBMT - Postfach 7951 · 3001 Bern · Switzerland

HUBUNGAN: Hubungan WBMT:

Prof. Dietger Niederwieser; Tel. +49 341 97-13050;

dietger@medizin.uni-leipzig.de

Prof. Yoshihisa Kodera; Tel.: +81 561 62 3311 (Samb. 2375);

ykodera@river.ocn.ne.jp

Dennis Confer, MD; Tel: +1 612 362 3425;

dconfer@nmdp.org

Hubungan Media:

Catherine Scott; Tel. +1 612 455 1719;

cscott@padillaspeer.com

